

# Galak generasi muda aktif sektor pertanian

» Langkah pastikan bekalan makanan negara mencukupi pada masa depan

Oleh Rashidah Ilmi Abd Rahim  
rasyiqah@bh.com.my

► Serdang

Pembabitan generasi muda dalam bidang pertanian ia itu sebagai petani moden perlu disemarakkan selaras dengan usaha memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara dapat dikekalkan.

Mungkin generasi muda tidak sedar, pembabitan mereka dalam bidang itu mampu memberikan pulangan lumayan sehingga mencecah puluhan ribu ringgit setiap bulan.

Hakikatnya, jika ia dilaksanakan secara terancang, terperinci, menggunakan teknologi dan inovasi terkini, tidak mustahil mereka boleh menjadi jutawan dengan berbudi kepada tanah.

Bagi tujuan itu juga, mereka tidak perlu lagi mengotorkan ta-

ngan memandangkan banyak teknologi terkini boleh digunakan, termasuk kaedah fertigasi yang terbukti mampu menjana laba kepada usahawan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata, generasi muda perlu mengambil peluang berkecimpung dalam bidang pertanian, sekali gus membantu negara memastikan jaminan bekalan pada masa depan.

## Krisis makanan

"Jika mereka tidak didedahkan dengan bidang pertanian mulai sekarang, perkembangan sektor pertanian akan terbantut dan negara mungkin berdepan masalah jaminan bekalan makanan se-

hingga berlaku krisis makanan pada masa depan," katanya.

Ismail Sabri berkata, berdasarkan statistik yang dikeluarkan Lembaga Pertubuhan Peladang, sehingga Disember tahun lalu, hanya 123,925 daripada 1,280,553 adalah mereka yang berusia 40 tahun ke bawah.

"Manakala sebanyak 826,163 ahli persatuan adalah mereka yang berusia 60 tahun ke atas dan 330,465 ahli berusia di antara 40 hingga 59 tahun.

"Sebab itu, kita kena lipat gandakan usaha bagi memastikan lebih ramai belia terbabit dalam bidang pertanian, bukan saja daripada jurusan pertanian tetapi kursus lain kerana bidang pertanian tidak memerlukan kela-

yakan tertentu dan sesiapa saja boleh menyertainya," katanya.

Menyedari hakikat itu, Kementerian baru-baru ini mengumumkan penubuhan Unit Agropreneur Muda dan Majlis Perundingan Agropreneur Muda bagi membantu belia membabitkan diri dalam sektor berkenaan.

"Unit Agropreneur Muda ini akan bertindak dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan program pembangunan keusahawanan tani membabitkan belia dan siswazah.

"Penubuhan Majlis Perunding Agropreneur Muda yang akan dipengerusikan oleh saya sendiri pula adalah usaha menarik golongan muda terbabit sama dalam penggubalan dasar dan program pembangunan pertanian belia," katanya berucap pada Majlis Ramah Mesra bersama Menteri sempena Minggu Perkasa Putra Pelajar Baru Semester Pertama Sesi 2013/2014 di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, baru-baru ini.

Pada tahun ini, seramai 4,044 pelajar baru mendaftar di kampus UPM Serdang serta Bintulu,

dan daripada jumlah itu pelajar antarabangsa yang mendaftar adalah seramai 186 pelajar.

Meskipun sektor pertanian kurang mendapat sambutan dalam kalangan belia, fakulti Pertanian UPM masih berjaya mencatatkan pendaftaran pelajar baru seramai 322 orang manakala Fakulti Sains Pertanian dan Makanan yang terletak di kampus UPM Bintulu, Sarawak seramai 69 pelajar.


Pelajar Fakulti Pertanian, Mawarti Mukim, 21, berkata beliau memilih bidang itu kerana sektor pertanian adalah tanggungjawab besar yang memerlukan sokongan seluruh rakyat dalam memastikan pengeluaran bahan makanan negara bukan saja selamat dimakan malah mencukupi untuk keperluan semua rakyat.

## Inisiatif kerajaan

"Mungkin tidak ramai golongan muda yang melihat bidang ini sebagai sesuatu yang besar kerana ia sering dikaitkan dengan kemiskinan tetapi saya percaya akan lebih ramai belia menceburi bidang ini dengan pelbagai inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan.

"Misalnya penubuhan Unit Agropreneur Muda dan Majlis Perundingan Agropreneur Muda amat baik kerana memberi pendedahan realistik mengenai potensi bidang pertanian pada masa depan," katanya.

Beliau percaya kedua-duanya akan menjadi saluran kepada mahasiswa khususnya pelajar yang meminati bidang pertanian menceburi selok-belok keusahawanan.



*"Saya memilih bidang ini kerana sektor pertanian adalah tanggungjawab besar yang memerlukan sokongan seluruh rakyat dalam memastikan pengeluaran bahan makanan negara bukan saja selamat dimakan malah mencukupi untuk keperluan semua rakyat"*

**Mawarti Mukim,**  
Pelajar Fakulti Pertanian UPM



Ismail Sabri berbual dengan penuntut universiti sempena **Minggu Perkasa Putra Pelajar Baru Semester Pertama Sesi 2013/2014** di UPM, Serdang, baru-baru ini. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]



**MINGGU PERKASA PUTRA 2013**

 **UPM** **2013**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

BERSAMA MENCEMERLANGKAN  
AKADEMIK & SAHSIAH PELAJAR



**MAJLIS BERSAMA PEMIMPIN**  
PELAJAR BAHARU SEMESTER PERTAMA 2013/2014

